

Tiga syarikat ceroboh hutan dikenal pasti

Kota Bharu: Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan mengenal pasti tiga syarikat yang didakwa melakukan pencerobohan kawasan hutan simpan di Tanah Tinggi Lojing.

Pengarahnya Zahari Ibrahim berkata, pihaknya sedang menyiapkan kertas siasatan berhubung perkara itu dan mengambil tindakan tegas mengikut akta diperuntukkan.

"Mereka dianggap melanggar permit dan boleh disiasat mengikut Seksyen 32 Akta Perhutanan Negara yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

"Hukuman juga boleh mengikut Seksyen 47 dan Seksyen 81 (e) Akta Perhutanan Negara yang boleh didenda RM10,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya di sini, semalam.

Beliau terdahulu mengulas mengenai laporan Ketua Audit Negara, kelmarin yang mendedahkan beberapa kelemahan dalam aktiviti pembangunan Tanah Tinggi Lojing termasuk pertanian yang dijalankan di kawasan ketinggian melebihi 1,000 meter dari paras laut (mpl).

Laporan turut menyebut



PEMANDANGAN dari udara kawasan pembalakan di Tanah Tinggi Lojing.

pembangunan pertanian dilakukan tanpa kebenaran merancang, berlaku pencerobohan terhadap rizab sungai dan kawasan hutan, syarat kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) tidak dipatuhi.

Antara rizab sungai diceboboh termasuk Sungai Isos,

Sungai Pelau'ur, Sungai Belatop dan Sungai Berok yang dijadikan kawasan penanaman sayur oleh syarikat terbabit selain pencerobohan hutan simpan seluas lima hektar.

Mengulas lanjut, Zahari berkata, pihaknya mengetatkan penguatkuasaan sejak

awal tahun bagi menghalang pencerobohan termasuk menempatkan tiga pengawas hutan dan seorang renjer di sana secara tetap.

Katanya, kawasan berkenaan juga dipantau menggunakan Remote Sensing Malaysia (ARSM) sejak tiga tahun lalu.